

29/05/2000

Muslihat di sebalik isu penculikan

Nadzim Ahmad Jamalludin

SELEPAS 36 hari kejadian penculikan membabitkan 21 orang dari Pulau Sipadan, Sabah berlaku, perunding kerajaan Filipina masih menemui jalan buntu dalam usaha untuk membebaskan tebusan, khususnya rakyat Jerman yang dilaporkan sakit.

Pada asasnya, kejadian yang berlaku di pulau yang disifatkan sebagai sebuah daripada 10 pulau percutian terbaik di dunia itu adalah kejadian jenayah penculikan yang dilihat sebagai bermotifkan wang tebusan.

Anehnya, selepas 36 hari kejadian itu berlaku, tiada sebarang tuntutan membabitkan wang tunai dibuat oleh kumpulan penculik. Walaupun, ada laporan mengatakan kumpulan penculik menuntut wang tebusan sebanyak AS\$2 juta (RM7.6 juta), ia segera dinafikan oleh ketua perunding kerajaan yang juga Penasihat Presiden Filipina, Robert Aventajado.

Penafian itu sememangnya agak aneh. Jika bukan wang yang diinginkan, apa sebenarnya yang dimahukan oleh kumpulan penculik? Selepas diteliti secara halus dan mengikuti perkembangan kes itu dari semasa ke semasa, sebenarnya ada usaha di kalangan pihak tertentu di Filipina yang mahu mempolitikkan kejadian itu.

Ia bermula apabila pemimpin kerajaan Filipina sengaja menjadikan penahanan kira-kira 600 rakyat Filipina di beberapa pulau berhampiran Pulau Sipadan beberapa hari selepas peristiwa penculikan itu berlaku, sebagai isu yang membangkitkan kemarahan rakyat tempatan.

Sambil membidas tindakan penahanan beramai-ramai rakyat Filipina di Sabah, pemimpin kerajaan Filipina dan hampir semua akhbar utama di negara itu menyifatkan tindakan berkenaan sebagai tidak berperi kemanusiaan dan melanggar hak asasi manusia.

Malah, sekumpulan peguam dari Amerika Syarikat turut campur tangan berhubung kejadian itu dengan mengeluarkan afidavit mengesahkan berlakunya pelanggaran hak asasi manusia dalam kejadian berkenaan.

Terbaru, kumpulan penculik yang menahan 21 tebusan di Pulau Jolo, Filipina menuntut supaya kerajaan Malaysia menubuhkan Suruhanjaya Sabah bagi menyiasat apa yang didakwa sebagai pelanggaran hak asasi manusia terhadap bangsa Moro di Sabah.

Bagaimanapun, Malaysia tidak mudah tunduk dengan sebarang tuntutan. Ini dibuktikan oleh kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan cadangan itu sebagai tidak wajar dan belum pernah Malaysia menubuhkan suruhanjaya seumpama itu dengan kumpulan yang membuat tuntutan.

Tuduhan Filipina yang mendakwa Malaysia melanggar hak asasi manusia ketika melakukan penahanan 600 rakyat negara itu sebenarnya adalah satu tuduhan yang berat. Sebaliknya, Malaysia sudah melakukan usaha yang terbaik bagi menjaga kepentingan, khususnya kebajikan rakyat Filipina.

Sebagai contoh, masalah kehadiran rakyat Filipina di Sabah adalah salah satu topik perbincangan utama dalam mesyuarat Jawatankuasa Bersama Mengenai Sempadan (JCBC) Malaysia-Filipina yang diadakan setiap tahun sejak pemerintahan Presiden Fidel Ramos. Kali terakhir JCBC mengadakan perjumpaan ialah November tahun lalu di Kuala Lumpur.

Tidak cukup dengan itu, sebuah jawatankuasa yang memberi tumpuan khusus kepada soal kebajikan umat Islam di seluruh Filipina turut ditubuhkan dalam JCBC.

Malah, JCBC memperuntukkan sehari daripada pertemuan yang diadakan untuk membincangkan usaha yang boleh dilakukan bagi membantu umat Islam di

Filipina.

Bagi membuktikan bahawa Malaysia benar-benar ingin membantu Filipina, Dr Mahathir turut menggalakkan rakyat negara ini pergi ke Filipina untuk mewujudkan hubungan dua hala serta meneroka pasaran baru.

Seruan Perdana Menteri itu disambut positif oleh banyak syarikat termasuk Lembaga Urusan Tabung Haji dan Bank Islam. Pemerintahan Ramos juga memperlihatkan hubungan Malaysia dan Filipina tidak menghadapi sebarang masalah.

Bagaimanapun, selepas pemerintahan Ramos diambil alih oleh Joseph Estrada, banyak perubahan berlaku. Sebenarnya masalah membabitkan rakyat Filipina di Sabah tidak dapat diselesaikan semata-mata disebabkan tindakan Filipina yang enggan menubuhkan Konsulatnya di Sabah walaupun Kementerian Luar negara itu sudah meluluskan peruntukan mengenainya sejak 1996 lagi.

Tindakan Filipina yang enggan memenuhi persetujuan bersama yang dicapai pada 1995 itu mencemari hubungan yang terjalin. Berlainan dengan Malaysia, setahun selepas persetujuan bersama itu dicapai, Konsulat Malaysia di Davao ditubuhkan.

Mengapakah Filipina enggan menubuhkan Konsulat di Sabah? Sebabnya ialah Filipina berpendapat jika mereka berbuat demikian, ini bermakna negara berkenaan mengiktiraf Sabah sebagai hak Malaysia sedangkan sebelum ini Filipina sering mempertikaikan Sabah sebagai sebahagian dari wilayah negara itu.

Itulah sebab utama yang cuba dielakkan oleh ahli kongres di Filipina. Mungkinkah ada kemungkinan negara itu, melalui kumpulan penculik yang menahan 21 orang tebusan di Pulau Jolo mempunyai agenda tersendiri ketika membuat tuntutan supaya Suruhanjaya Sabah ditubuhkan.

Ini kerana jika Filipina benar-benar mahu memperjuangkan kebajikan rakyat negara itu, mengapa sehingga sekarang, Filipina masih gagal menubuhkan Konsulat di Sabah?

Seperkara lagi yang menjadi persoalan ialah mengenai tindakan yang diambil oleh kerajaan Filipina dalam menyelesaikan segera masalah itu. Kerajaan Filipina seolah-olah tidak pernah tetap dengan keputusan yang dibuatnya dan ia sentiasa berubah-ubah.

Contoh paling ketara ialah berhubung arahan yang diberi kepada tentera. Sebelum ini, kehadiran tentera dikatakan menjadi penyebab utama beberapa pertemuan yang diatur antara perunding kerajaan dengan kumpulan penculik terpaksa dibatalkan. Berikutan itu, tentera kerajaan diarah memberi sedikit ruang bagi membolehkan rundingan diadakan.

Bagaimanapun, semalam sekali lagi rundingan rasmi dengan kumpulan penculik yang dijadualkan terpaksa dibatalkan, gara-gara kehadiran tentera dekat lokasi tebusan ditahan.

Paling ketara dalam isu penculikan ini ialah mengenai tahap pemikiran pemimpin kumpulan penculik, Galib Andang atau Komander Robot yang dikatakan menyamai pemikiran seorang kanak-kanak berusia 12 tahun.

Jika benar tahap pemikirannya sebegitu rendah, bagaimana beliau boleh memikirkan untuk membuat tuntutan seperti penubuhan sebuah negara Islam yang merdeka dan penubuhan Suruhanjaya Sabah untuk menyiasat apa yang didakwa sebagai pelanggaran hak asasi manusia terhadap pendatang bangsa Moro di Sabah.

Tidakkah aneh seseorang tahap pemikirannya disamakan dengan seorang kanak-kanak berusia 12 tahun boleh membuat kenyataan seumpama itu jika bukan ada 'orang' lain yang mengarahkannya supaya membuat kenyataan sebegitu.

Soalnya sekarang ialah siapakah sebenarnya pihak atau individu di Filipina yang bertanggungjawab mahu mempolitikkan kejadian penculikan itu dan meletakkan segala kesalahan kepada Malaysia.

Walau siapa pun pihak atau individunya, kerajaan Filipina mempunyai

tanggungjawab berat untuk memastikan isu penculikan itu berakhir segera dengan memastikan semua tebusan dibebaskan dengan selamat.

(END)